

## **AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969,<sup>1</sup> KESANNYA SELEPAS PINDAAN 1992**

### **I. LATARBELAKANG**

Akta Keselamatan Sosial 1969 (selepas ini dirujuk sebagai SOCSO) adalah merupakan suatu Akta yang digubal untuk menjaga kebajikan pekerja terutamanya apabila berlakunya kemalangan semasa bekerja yang menyebabkan pekerja mengalami kecederaan. Sebelum adanya SOCSO, sekiranya berlaku kecederaan semasa seseorang pekerja sedang bekerja, pekerja itu perlu mengemukakan suatu tuntutan guaman terhadap majikannya di bawah tort kecuai biasa,<sup>2</sup> sebelum dia mendapat pampasan daripada majikannya. Tuntutan guaman yang dikemukakan di mahkamah ini biasanya mengambil masa yang lama. Adakalanya kegagalan pekerja untuk membuktikan bahawa majikan telah cuai dan kejayaan majikan untuk membuktikan bahawa pekerja telah turut juga menyumbang kepada kecuai itu akan menyebabkan pekerja tidak mendapat pampasan. Kedudukan inilah yang ingin diatasi apabila SOCSO diperkenalkan.

Konsep yang diutarakan melalui SOCSO adalah meletakkan tanggungan ke atas majikan untuk membayar pampasan kepada pekerja yang mengalami kecederaan akibat kemalangan semasa bekerja tanpa memerlukan pekerja membuktikan kecuai majikan atau ketidakcuaiannya sendiri. Perkara yang perlu dibuktikan oleh pekerja adalah dia termasuk dalam kategori pekerja di bawah SOCSO,<sup>3</sup> majikannya adalah majikan seperti yang ditetapkan oleh SOCSO<sup>4</sup> dan kecederaan yang dialami berlaku semasa menjalankan pekerjaannya.<sup>5</sup> Jika semua ini dapat dibuktikan maka seseorang pekerja itu layak untuk mendapat pampasan seperti yang ditetapkan oleh Akta itu.

---

<sup>1</sup>Akta 4.

<sup>2</sup>Elemennya adalah adanya tugas, pemecahan tugas dan kerosakan.

<sup>3</sup>Seksyen 2(5) SOCSO.

<sup>4</sup>Seksyen 2(9) dan 2(19).

<sup>5</sup>Seksyen 2(6).

Konsep kedua yang diperkenalkan oleh SOCSO adalah tanggungan majikan dialihkan ke Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (Pekeso) melalui konsep insurans di mana majikan dan pekerja membuat caruman bulanan kepada Pekeso dan apa-apa bayaran pampasan akan dibuat oleh Pekeso bagi pihak majikan itu.

## II. PINDAAN YANG DIBUAT DALAM TAHUN 1992

Pada tahun 1992, SOCSO telah mengalami beberapa perubahan apabila beberapa pindaan telah dibuat kepadanya melalui Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1992<sup>6</sup> (selepas ini dirujuk sebagai "Akta Pindaan").<sup>7</sup> Perbincangan akan dibuat dengan melihat kepada perubahan-perubahan yang dibuat oleh Akta Pindaan itu serta kesannya kini. Pindaan-pindaan tersebut adalah seperti berikut:

### A. Pindaan Kepada Jadual Satu<sup>8</sup>

Akta Pindaan telah membuat pindaan kepada Jadual Satu SOCSO. Seksyen 2(5) yang memberikan takrif "pekerja" telah memperuntukkan bahawa mereka yang dinyatakan dalam Jadual Satu<sup>9</sup> adalah tidak termasuk dalam kategori "pekerja". Antara mereka yang terlibat adalah seperti berikut:

- (1) mereka yang berpendapatan lebih dari seribu ringgit sebulan.<sup>10</sup>
- (2) orang asli kecuali sekiranya mereka diambil bekerja dengan syor Pesuruhjaya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.<sup>11</sup>
- (3) mereka yang diambil bekerja untuk perikanan di perairan maritim atau diambil bekerja di kapal yang digunakan untuk perikanan.<sup>12</sup>
- (4) mereka yang terlibat dalam penanaman padi.<sup>13</sup>

<sup>6</sup>Akta A814/92.

<sup>7</sup>Pindaan-pindaan ini berkuatkuasa mengikut tarikh yang ditetapkan oleh Menteri mengikut seksyen 1(2) Akta A814/92. Tarikh berkuatkuasanya pindaan kepada seksyen-seksyen itu akan dinyatakan di dalam perbincangan setiap seksyen-seksyen itu.

<sup>8</sup>Seksyen 2(5) SOCSO.

<sup>9</sup>Perenggan (1) - (13) Jadual Satu SOCSO.

<sup>10</sup>Perenggan (1).

<sup>11</sup>Perenggan (9).

<sup>12</sup>Perenggan (10).

<sup>13</sup>Perenggan (11).

Akta Pindaan telah menaikkan jumlah pendapatan seseorang pekerja yang dikecualikan dari skop perlindungan SOCSO dari seribu ringgit kepada melebihi dua ribu ringgit. Ini menyebabkan lebih ramai tenaga kerja yang akan termasuk dalam skop perlindungan SOCSO. Selain daripada itu Akta Pindaan telah memotong perenggan (9) yang berkaitan dengan orang asli, perenggan (10) yang berkaitan dengan mereka yang terlibat dengan perikanan dan juga perenggan (11) dalam Jadual Satu yang melibatkan mereka yang bekerja dalam penanaman padi.<sup>14</sup> Kesan yang jelas dari pindaan ini adalah ketiga-tiga kategori ini kini menjadi "pekerja" mengikut tafsiran SOCSO dan berhak mendapat perlindungannya.<sup>15</sup>

### B. Pindaan kepada seksyen 3(1)

Akta Pindaan juga telah meminda seksyen 3(1) SOCSO yang menyentuh pemakaian Akta tersebut. Sebelum pindaan dibuat, seksyen 3(1) hanya ditujukan kepada industri yang mempunyai 5 orang pekerja atau lebih. Industri-industri yang mempunyai empat orang pekerja ke bawah adalah tertakluk kepada Akta Pampasan Pekerja 1952<sup>16</sup> (selepas ini dirujuk sebagai "WCA"). Pindaan yang dibuat kepada seksyen 3(1) memperuntukan bahawa SOCSO kini terpakai kepada industri yang mempunyai seorang pekerja dan lebih dan seksyen 3(1) baru mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992.<sup>17</sup> Pindaan ini dibuat sejajar dengan polisi kerajaan yang kini memperuntukkan bahawa WCA adalah terpakai kepada buruh asing bermula dari 1hb April 1993.<sup>18</sup> Kedudukan ini adalah lebih menggalakkan kerana secara amnya peruntukan SOCSO adalah lebih baik jika dibandingkan dengan WCA. SOCSO adalah merupakan suatu Akta yang cuba membaiki kelemahan-kelemahan WCA.

<sup>14</sup>Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' M Mahalingam telah tidak menyatakan sebab mengapa ketiga-tiga kategori ini dimasukkan sebagai "pekerja" mengikut SOCSO. Lihat Perbahasan Parlimen Dewan Rakyat, Kelapan Penggal Pertama Jilid 1, Bil 68-73, Oktober 1992, ms 59.

<sup>15</sup>Pindaan ini mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1992 mengikut PU(B) 267/92.

<sup>16</sup>Akta 273. WCA ini memberikan perlindungan yang sama seperti SOCSO, merangkumi kecederaan diri akibat kemalangan yang terbit dari dan dalam masa bekerja dan juga penyakit pekerjaan. Apa yang membezakannya dengan SOCSO adalah majikan dikenakan tanggungan sepenuhnya untuk membayar pampasan kepada pekerja dan pekerja tidak membuat sebarang caruman bulanan untuk tujuan ini.

<sup>17</sup>Seksyen 1(7) Akta A814/92.

<sup>18</sup>Employees' Social Security Act 1969. Employees' Social Security (Exemption of Foreign Workers) Notification 1993.

### C. Pindaan Kepada Seksyen 24

SOCISO melindungi dua jenis kecederaan yang dinyatakan di dalamnya mengikut seksyen 2(6) iaitu bencana kerja yang diakibatkan oleh suatu kemalangan atau penyakit pekerjaan yang terbit dari dan dalam menjalankan kerja-kerjanya di dalam sesuatu industri itu. Untuk bencana kerja akibat kemalangan, seksyen 24 SOCISO adalah relevan untuk perbincangan ini dan ia memperuntukkan seperti berikut:

24(1) Sesuatu kemalangan yang berlaku tatkala seseorang berinsurans<sup>19</sup> membuat perjalanan sebagai penumpang dalam sesebuah kereta ke tempat atau dari tempat kerjanya, sama ada dengan kebenaran yang nyata atau disifatkan ada daripada majikannya, hendaklah walaupun orang itu tidak ada kewajiban kepada majikannya untuk membuat perjalanan itu, disifatkan sebagai terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya jika -

- (a) kemalangan itu boleh disifatkan sebagai telah terbit sedemikian sekiranya ia ada kewajiban berbuat demikian itu; dan
  - (b) pada masa kemalangan itu, kereta itu -
    - (i) dikendalikan oleh atau bagi pihak majikannya atau oleh seseorang lain yang telah mengadakannya menurut perkiraan yang dibuat dengan majikannya; dan
    - (ii) tidak dikendalikan dalam perjalanan biasa perkhidmatan pengangkutan awam kecuali apabila orang berinsurans itu sendiri adalah seorang pekerja perkhidmatan pengangkutan awam yang berkenaan itu.
- (2) Dalam seksyen ini "kereta" termasuklah sesebuah perahu dan sesebuah kapal udara.

Seksyen 24 secara amnya tidak mengiktiraf kemalangan yang dialami pekerja dalam perjalanan ke tempat kerja kecuali pekerja itu menggunakan kenderaan majikan atau yang dikendalikan bagi pihak majikannya.<sup>20</sup> Seksyen tersebut mengecualikan sebahagian

<sup>19</sup>Seksyen 2(1) mendefinisikan orang berinsurans sebagai pekerja yang layak membayar caruman tanpa mengira sama ada dia telah didaftarkan atau tidak dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (Pekeso) oleh majikannya.

<sup>20</sup>Lihat kes *Kang Chai Yoke v Young Ah Moi* [1983] 1 CLJ 28.

besar dari pekerja-pekerja yang menggunakan kenderaan awam untuk berulang-alik ke tempat kerja. Pindaan yang dibuat oleh Akta Pindaan mengenai seksyen ini amatlah dialu-alukan. Seksyen 24(1)<sup>21</sup> yang baru telah memasukkan tiga keadaan baru yang akan dilindungi oleh SOCSO. Keadaan-keadaan itu adalah seperti berikut:-

- (a) dalam perjalanan mengikut laluan di antara tempat kediamannya atau tempat tinggalnya dengan tempat kerjanya;
- (b) dalam perjalanan yang dibuat bagi apa-apa sebab yang secara langsung berkaitan dengan penggajiannya; atau
- (c) dalam perjalanan di antara tempat kerjanya dengan tempat dia pergi makan dalam masa rehat yang dibenarkan.

Kesan yang jelas dari pindaan ini adalah perlindungan diberikan kepada para pekerja yang berulang-alik dari tempat tinggal ke tempat kerja menggunakan kenderaan awam atau kenderaan sendiri. Selain dari itu seksyen tersebut juga melindungi pekerja dalam perjalanan ke tempat makan atau ke mana-mana tempat lain atas sebab-sebab pekerjaannya. Keluasan perlindungan yang diberikan dihadkan sekiranya kemalangan itu berlaku semasa pekerja itu membuat apa-apa perhentian dan lencongan yang tidak mempunyai kaitan dengan pekerjaannya.<sup>22</sup>

#### D. Pindaan Kepada Seksyen 31

Seksyen 31 SOCSO telah dipinda oleh seksyen 20 Akta Pindaan yang memperuntukkan bahawa:-

31 Seseorang yang berinsurans atau orang-orang tanggungannya tidaklah berhak menerima atau mendapat daripada majikan orang berinsurans itu, atau daripada mana-mana orang lain yang merupakan pengkhidmat majikan itu, apa-apa pampasan atau gantirugi di bawah mana-mana undang-undang lain yang

<sup>21</sup>Seksyen 24(1) baru ini mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992 mengikut seksyen 1(7) Akta A814/92.

<sup>22</sup>Seksyen 24(2) SOCSO selepas pindaan.

sedang berkuatkuasa berkenaan dengan bencana kerja yang berlaku padanya sewaktu menjadi seorang pekerja di bawah Akta ini.

Pindaan yang dibuat kepada seksyen 31 ini telah menghalang pekerja dari mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan dan rakan sekerjanya untuk mendapatkan pampasan bagi bencana kerja yang dialaminya. Sebelum pindaan halangan hanya terhadap majikan sahaja, pekerja masih boleh membuat tuntutan terhadap rakan sekerjanya dan pihak ketiga. Pindaan ini telah mengambil hak tersebut dan kini pekerja tidak mempunyai pilihan lain selain daripada menerima pampasan yang diberikan kecuali jika ada pihak ketiga yang terlibat dalam kejadian tersebut.<sup>23</sup>

#### **E. Pindaan Kepada Seksyen 6(2)**

Seksyen 6(2) memperkatakan tentang jenis caruman yang disediakan di bawah SOCSO. Akta Pindaan telah meminda jenis caruman dari tiga jenis kepada dua jenis<sup>24</sup> iaitu:-

- (a) caruman jenis pertama, yang merupakan caruman yang kena dibayar oleh atau bagi pihak pekerja yang diinsuranskan terhadap kontingensi-kontingensi keilatan dan bencana kerja;<sup>25</sup> dan
- (b) caruman jenis kedua, yang merupakan caruman yang kena dibayar oleh atau bagi pihak pekerja yang diinsuranskan hanya terhadap kontingensi bencana kerja.<sup>26</sup>

Caruman jenis ketiga yang dahulunya ada dalam seksyen 6(2) adalah caruman terhadap kontingensi keilatan sahaja, kini ia telah dikeluarkan dari senarai jenis caruman selepas pindaan. Pindaan ini tidak menjejaskan perlindungan yang diberikan kepada pekerja kerana perlindungan terhadap kontingensi keilatan dan bencana

<sup>23</sup>Seksyen 31 yang baru ini mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1992 mengikut PU(B) 267/92.

<sup>24</sup>Seksyen 6(2) SOCSO yang baru.

<sup>25</sup>Seksyen 6(4) caruman ini hendaklah dibayar oleh majikan dan pekerja.

<sup>26</sup>Seksyen 6(5) caruman ini hendaklah dibayar oleh majikan sahaja.

kerja masih disediakan.<sup>27</sup> Akibat daripada pindaan ini, pindaan perlu juga dibuat pada Jadual Ketiga dan memasukkan 10 kadar caruman yang baru.<sup>28</sup>

#### **F. Pindaan Kepada Seksyen 17(2)**

Seksyen 17(2) menyebut tentang tempoh kelayakan yang perlu dipenuhi oleh seseorang pekerja sebelum dia berhak mendapat pencen keilangan. Seksyen 11 Akta Pindaan telah mengurangkan tempoh kelayakan itu dari tiga puluh enam bulan kepada dua puluh empat bulan. Seksyen 17(2) yang baru menetapkan bahawa seseorang akan disifatkan sebagai telah memenuhi tempoh kelayakannya jika caruman bulanan untuknya telah dibayar tidak kurang dari dua puluh empat bulan dari empat puluh bulan berturut-turut sebelum tarikh tuntutan dibuat untuk mendapat pencen tersebut.<sup>29</sup> Pindaan ini menambahkan jumlah mereka yang layak mendapat kemudahan itu jika dibandingkan dengan kedudukan yang lama yang memerlukan caruman dibuat untuk tiga puluh enam bulan dari enam puluh bulan.

#### **G. Pindaan Lain**

Pindaan-pindaan lain yang dibuat oleh Akta Pindaan tidak menyentuh kepentingan pekerja tetapi menyentuh pentadbiran organisasi yang mentadbirnya iaitu Pekeso. Ini termasuklah pindaan kepada seksyen 68 yang memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Pekerja. Seksyen 69 menyentuh pentadbiran Kumpulan Wang Keselamatan Pekerja dan seksyen 59Q hingga seksyen 59W memperkatakan tentang jawatankuasa tatatertib-tatatertib pegawai-pegawainya, penubuhan Lembaga Rayuan Tatatertib, kuasa untuk membuat kaedah-kaedah tatatertib, pengenaan caj, penubuhan Lembaga Kenaikan Pangkat dan penubuhan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat.<sup>30</sup>

<sup>27</sup>Seksyen 6(2) yang baru mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1992, mengikut PU (B) 267/92.

<sup>28</sup>Seksyen 6(3) bayaran hendaklah dibuat mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga.

<sup>29</sup>Seksyen 17(2) yang baru mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992 mengikut seksyen 1(7) Akta A814/92.

<sup>30</sup>Pindaan-pindaan ini mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1992 mengikut PU(B) 267/92 kecuali 59V dan 59W yang mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1985 mengikut seksyen 1(5) Akta A814/92.

#### **IV. KESIMPULAN**

Pindaan yang dibuat pada tahun 1992 telah meluaskan lagi skop pemakaian SOCSO kepada sebahagian besar tenaga kerja di negara ini. Oleh kerana ia merupakan suatu Akta yang menjaga kebajikan pekerja maka sewajarnya ia meliputi satu skop pemakaian dan perlindungan yang luas untuk membolehkannya memberikan bantuan kewangan kepada pekerja yang mengalami bencana kerja dalam satu tempoh yang singkat dan cepat.

Siti Zaharah Jamaluddin\*

\*Pensyarah  
Fakulti Undang-Undang  
Universiti Malaya